

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah pencegahan yang telah diambil untuk memastikan terdapat sifar kes rasuah dalam perkhidmatan awam, terutamanya untuk mengelakkan rasuah dan penyelewengan dalam sistem perolehan Kerajaan.

**JAWAPAN: [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)]**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha menjadikan kes sifar rasuah dalam perkhidmatan awam menuntut kematangan dalam semua tindakan sama ada melibatkan penguatkuasan, pencegahan dan pendidikan masyarakat dalam membanteras rasuah.

Dalam konteks sistem perolehan kerajaan, telah ditetapkan tatacara perolehan yang teratur dan sistematik. Tatacara perolehan yang ditetapkan ini jika dipatuhi berupaya memastikan perolehan yang dilaksanakan memberi pulangan yang terbaik kepada kerajaan dan seterusnya mengelakkan rasuah dan penyelewengan. Antara inisiatif dalam tatacara perolehan yang digunakan sebagai kawalan dalaman untuk memastikan rasuah dapat dicegah adalah:

- i. pelaksanaan *integriti pact*;
- ii. pengisytiharan kepentingan dalam proses perolehan; dan
- iii. penggiliran tugas (*job rotation*).

Selain itu, salah satu langkah pencegahan yang diambil oleh kerajaan ialah dengan penubuhan Unit Integriti (UI). SPRM selaku pengawalselia UI sedang mempergiatkan penubuhan UI disemua agensi awam di peringkat Persekutuan dan Negeri termasuk Syarikat Berkepentingan Kerajaan. Seramai 69 orang pegawai SPRM telah ditempatkan di agensi awam dan 13 pegawai SPRM ditempatkan di Syarikat Berkepentingan Kerajaan. Penempatan ini sebagai satu langkah yang berkesan dalam mencegah isu ketirisan terutamanya dalam perolehan yang melibatkan penjawat awam.

Sekian, terima kasih.